

# Mana janji manifesto PRU13?

NGO minta kerajaan negeri selesaikan isu hak milik tanah, strata

NORAFIZA JAAFAR

SUNGAIBULOH - Persatuan Perjuangan Masyarakat Kota (Perkata) tagih janji manifesto kerajaan negeri berhubung penyelesaian isu tanah dan strata di Selangor terutama bagi kawasan Bandar Baru Sungai Buloh dan Paya Jaras.

Setiausaha Agung Perkata, Adzly Ab Manas berkata, isu yang berlarutan sejak sekian lama itu memberikan masalah kepada kesejahteraan dan keselamatan penduduk.

Malah menurutnya, pemilik unit berdepan masalah untuk pengurusan pinjaman semula atau penjualan aset dan tukar nama.

"Masalah ini dihadapi dikebanyakan tempat dan tak nampak gerak kerja

atau usaha ke arah itu yang sepatutnya diselesaikan oleh kerajaan negeri.

"Apa sudah jadi dengan janji manifesto kerajaan negeri, pilihan raya sudah dekat biarlah rakyat yang menilainya," katanya kepada *Sinar Harian* sewaktu program bersama penduduk di rumah pangsa fasa 11 Bandar Baru Sungai Buloh baru-baru ini.

Rumah bertingkat melibatkan empat blok dengan anggaran penduduk 4,000 orang antara yang berdepan dengan masalah itu.

Jelasnya, beliau menggesa wakil rakyat dan juga ahli parlimen bagi kawasan tersebut tampil dan menunaikan janji yang telah dibuat kepada rakyat.

"Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman ada



ADZLY

turun beberapa kali di sini namun tak nampak perkembangan berhubung penyelesaian masalah berkenaan.

"Sebaliknya saya yang bantu beberapa penduduk menyelesaikan masalah tersebut namun tidak melibatkan geran berkelompok tetapi individu," katanya.



Antara pangsapuri di kawasan Bandar Baru Sungai Buloh yang berdepan masalah strata.